

Majlis Fatwa putus caj PTPTN perlu berkonsep upah

PUTRAJAYA: Majlis Fatwa Kebangsaan semalam memutuskan caj perkhidmatan yang dikenakan Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Negara (PTPTN) hendaklah berkonsepkan upah sejajar matlamat penubuhannya untuk membantu pelajar membiayai pengaji-an.

Pengerusinya, Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin, berkata kadar upah yang dikenakan itu juga mesti berseesuaian dengan perkhidmatan yang diberi dan tidak membebankan peminjam.

"Jika konsep upah ini digunakan, kadarnya mestilah berbaloi dengan kerja dan tidak membebankan pelajar," katanya kepada *Berita Harian* selepas mempengerusikan muzakarah khas Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan di sini.

Mesyuarat khas bagi mem-



Dr Abdul Shukor Husin

bincangkan isu PTPTN itu berlangsung kira-kira satu setengah jam dan turut dihadiri Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Wan Mohammad Sheikh Abdul Aziz.

Difahamkan, konsep upah itu membabitkan formula kos sebenar pengurusan PTPTN sepanjang tempoh

pinjaman yang dicampur bersama pinjaman peminjam bagi menggantikan caj perkhidmatan tiga peratus yang digunakan sebelum ini.

Abdul Shukor berkata, mesyuarat itu tidak menetapkan satu kadar yang tepat, tetapi beliau menjangka kadar baru itu akan memuaskan hati semua pihak kerana ia bersesuaian dengan kehendak syarak.

"Kita serahkan kepada PTPTN untuk menentukan corak pengiraannya dan pengumuman mengenainya akan dibuat oleh Menteri Pengajian Tinggi (Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin).

"Kita fikir mereka (orang ramai) akan berpuas hati kerana kerajaan, khususnya Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa mencari jalan supaya masalah ini (caj perkhidmatan) dapat diselesaikan," katanya.